

MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Jun 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Mega	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	406 cm ²
AdValue	RM 8,024	PR Value	RM 24,073



BizTalk bersama Siti

Kongsi kejayaan produk kecantikan simplySiti bersama warga UUM

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**
kampus@utusan.com.my



PENGALAMAN dan pendedahan sebagai duta produk kecantikan antarabangsa merupakan faktor yang menarik minat penghibur terkenal tanah air, **Datuk Siti Nurhaliza Tarudin** untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan kosmetik pada 2010.

Perkara itu merupakan antara yang dikongsi Siti bersama warga Universiti Utara Malaysia (UUM) pada program *BizTalk* bertajuk *Evolusi Niaga: Impian dan Realiti* sempena Malam Setulus Amal anjuran Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) di Dewan Mu'adzam Shah, UUM baru-baru ini.

"Saya pernah menjadi duta dua produk kecantikan antarabangsa, pengalaman sebagai duta ketika itu membawa saya ke kilang-kilang pengeluaran produk tersebut dan daripada situ saya terfikir kenapa mereka menggunakan saya sebagai duta produk mereka sedangkan saya juga boleh menghasilkan produk yang berkualiti dengan jenama sendiri," ujarnya.

Bertitik tolak daripada situ, usahawan produk kecantikan SimplySiti ini mengambil keputusan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan kosmetik dan mendapat sokongan suami tercinta, Datuk Seri

Khalid Mohamad Jiwa, yang sentiasa menyokong penuh dan merestui bidang yang beliau ceburi.

Jelas Siti lagi, penglibatan dalam bidang perniagaan bukanlah perkara baharu baginya sebaliknya sejak beliau kecil lagi ketika membantu ibunya menjual kuih di berek polis.

Dalam pada itu, Siti turut berpesan kepada pelajar untuk menggunakan ruang dan peluang yang ada untuk melakukan sesuatu yang bermanfaat dan berani untuk mengambil cabaran kepada mereka yang mahu memulakan perniagaan yang mempunyai kaitan dengan apa yang sedang dipelajari.

Program *BizTalk* itu dikendalikan oleh Pensyarah Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), Mohd. Idzwan Yacob dan turut menampilkan pelajar dari TISSA-UUM, Tengku Nurnadiah Tengku Nasaruddin.

Malam Setulus Amal ini merupakan antara pengisian Karnival TISSA-UUM yang berlangsung selama seminggu sempena penjenamaan semula pusat pengajian tersebut yang sebelum ini dikenali sebagai pusat pengajian perakaunan.

Objektif utama penganjuran program

Malam Setulus Amal TISSA-UUM itu adalah untuk mengumpul dana bagi mengisi Tabung Pembangunan Pelajar TISSA-UUM.

Siti yang hadir ditemani suaminya itu turut tidak mengecewakan pengunjung dari dalam dan luar UUM

yang hadir memenuhi dewan itu dengan mendendangkan lima buah lagu popular iaitu *Seindah Biasa*, *Kenangan Terindah*, *Jaga Dia Untukku*, *Widuri* dan *Lebih Indah*.

Selain persembahan daripada Siti, pengunjung turut dihiburkan dengan persembahan daripada Pusat Kokurikulum UUM dengan iringan Combo Band UUM.

Hasil kutipan tiket program Malam Setulus Amal itu diserahkan oleh Siti kepada Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak bagi mengisi Tabung Pembangunan Pelajar TISSA-UUM.



SITI NURHALIZA TARUDIN menyampaikan *mock Cheque* kutipan tiket Malam Setulus Amal kepada Dr. Mohamed Mustafa Ishak bagi mengisi Tabung Pembangunan Pelajar TISSA-UUM.



SITI NURHALIZA TARUDIN (tengah) berkongsi pengalaman perniagaan dengan warga UUM dalam program *BizTalk* yang dikendalikan Mohd. Idzwan Yacob (kiri) dan Tengku Nurnadiah Tengku Nasaruddin.